

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDID

IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI F

**TINGKAH LAKU BERMASALAH DALAM KALANGAN PELAJAR ORANG  
ASLI DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH**

ZALEHA BINTI HASBULLAH

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2015**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDI

KA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PEN

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tingkah laku bermasalah dalam kalangan pelajar orang asli di sebuah sekolah menengah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tingkah laku bermasalah, faktor penyebab tingkah laku bermasalah, jenis tingkah laku bermasalah yang kerap dilakukan serta menganalisis psikologi pelajar terlibat dengan tingkah laku ponteng sekolah berdasarkan pendekatan REBT. Kajian ini berbentuk kajian kes yang menggunakan kaedah perbincangan kelompok fokus melibatkan 18 orang pelajar orang asli dari suku Semai dan Temiar dan temu bual individu terhadap seorang Penyelia asrama, seorang Tok Batin berketurunan Temiar dan seorang Warden asrama. Fasa kedua kajian pula menggunakan kaedah temu bual individu melibatkan lima orang peserta kajian dengan disokong oleh analisis dokumen. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian NVIVO. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat sepuluh jenis tingkah laku bermasalah yang dilakukan oleh pelajar dan enam faktor utama yang menyebabkan pelajar melakukan tingkah laku tersebut. Dapatkan data juga menunjukkan tingkah laku ponteng merupakan tingkah laku yang paling kerap dilakukan. Analisis menggunakan pendekatan REBT mengenal pasti peristiwa yang menjadi pencetus kepada tingkah laku bermasalah, sistem pemikiran tidak rasional seterusnya kesan yang terhasil dari sistem pemikiran tidak rasional dari sudut emosi dan tingkah laku. Dapatkan ini boleh membantu kaunselor sekolah berkenaan dalam memahami tingkah laku bermasalah pelajar orang asli berdasarkan kepada pendekatan teori Pembelajaran Sosial. Kajian ini juga membantu kaunselor dalam memahami tingkah laku ponteng sekolah dan sebagai langkah awal dalam intervensi menangani tingkah laku ponteng sekolah dalam kalangan pelajar orang asli.

**DISRUPTIVE BEHAVIOUR AMONG ORANG ASLI STUDENTS IN A**N IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI F  
**SECONDARY SCHOOL****ABSTRACT**

This study was conducted to investigate disruptive behaviour among indigenous students in a secondary school. The objective of this study is to identify the type of disruptive behaviour and the reasons for the students to commit such disruptive behaviors. This study is a case study using focus group discussions involving 18 students indigenous Semai and Temiar tribes and individual interviews of a dormitory supervisor, a Tok Batin Temiar descent and a hostel warden. The second phase of the study involves individual interviews involving five participants supported by the analysis of documents. Data was analyzed using NVivo. The study has indicated that there are ten types of delinquent behavior by students and six major factors that cause students to perform the behaviour. The finding of second phase of the study shows the problem of the students who often play truant can be analyzed with the REBT approach. Among the findings are comprehending the events experienced by the participants which have caused the disruptive behaviors, identifying irrational believe system and the effects from the irrational believe system in the aspect of emotional and behavior. These findings assist the school counselor in the understanding the behavior of troubled indigenous student based on Social Learning theory. This study also helps the counselor to understand truancy behaviour on the REBT approach and acts as a first step in addressing the truancy behavioral intervention among indigenous students.

## KANDUNGAN

	Muka Surat
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>ABSTRAK</b>	iv
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>KANDUNGAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Orang Asli	2
1.3 Latar Belakang Kajian	11
1.4 Pernyataan Masalah	20
1.5 Tujuan Kajian	27
1.6 Objektif Kajian	27
1.7 Soalan Kajian	28
1.8 Kesignifikanan Kajian	29

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDID
1.9 Defnisi Istilah		30
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI F
1.10 Kerangka Konseptual		33
1.11 Limitasi Kajian		35
1.12 Rumusan		37

## BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	38
2.2 Pendekatan Teori	39
2.2.1 Teori Pembelajaran Sosial	39
2.2.2 Teori Rational Emotive Behavioral Therapy (REBT)	43
2.3 Kajian Lepas Tentang Orang Asli dan Pendidikan	48
2.4 Kajian Lepas Tentang Tingkah Laku Bermasalah	54
2.5 Kajian Lepas Tentang Faktor Penyebab Tingkah Laku	62
2.6 Kajian Lepas Terhadap Penggunaan REBT	65
2.7 Rumusan	67

## BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	69
----------------	----

3.2 Reka Bentuk Kajian	70
------------------------	----

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PEN
DRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	3.3	Proses Menjalankan Kajian	74	
N IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS		UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
	3.4	Tempat Kajian	75	
	3.5	Peserta Kajian	76	
	3.6	Proses Pengumpulan Data	78	
	3.6.1	Temu Bual Individu	79	
	3.6.2	Perbincangan Kelompok Fokus	84	
	3.6.3	Analisis Dokumen	88	
	3.7	Penganalisisan Data	88	
	3.8	Tatacara Menjalankan Kajian	94	
	3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	95	
	3.10	Triangulasi Kajian	99	
	3.11	Etika Penyelidikan	100	
	3.12	Kajian Rintis	102	
	3.13	Rumusan	105	

#### BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	105
4.2	Keputusan Kajian Fasa Satu	110
4.3	Keputusan Kajian Fasa Dua	193
4.4	Triangulasi Data	218
4.5	Rumusan Bab	220

#### BAB 5 PERBINCANGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS			
DRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

5.1	Pengenalan	222
5.2	Ringkasan Kajian	223
5.3	Perbincangan	226
5.4	Implikasi Kajian	240
5.5	Masalah Dalam Menjalankan Kajian	245
5.6	Sumbangan Kajian	246
5.7	Cadangan kepada Pengkaji Akan Datang	248
5.8	Cadangan Kepada Pengamal	248
5.9	Rumusan	249

## RUJUKAN

## LAMPIRAN

## LAMPIRAN

1. Surat Perakuan Pelajar UPSI
2. Kelulusan Menjalankan Kajian Dari EPRD
3. Kelulusan Menjalankan Kajian Dari JPN Perak
4. Lampiran A – Borang Protokol Soalan Temu Bual (Fasa Pertama dan Fasa Kedua)
5. Pengekodan Data Transkripsi Peserta Kajian (Fasa Pertama dan Fasa Kedua)

Jadual	Muka Surat
1.3.1 Bilangan Pelajar Orang Asli Sekolah Menengah	17
1.4a Bilangan murid orang asli Tidak menyambung Pelajaran	23
4.1a Profil Peserta FGD Berdasarkan Suku	107
4.1b Profil Peserta FGD Berdasarkan Jantina	108
4.1c Profil Peserta Temu Bual Individu	108
4.1d Profil Peserta Fasa Kajian Kedua berdasarkan bilangan tidak hadir ke sekolah	109
4.2.3 Bilangan Kekerapan Tingkah Laku	188
4.3a Peristiwa Yang dialami oleh Peserta	212
4.3b Sistem Pemikiran Tidak Rasional Peserta Kajian	213
4.3c Kesan Peristiwa Yang Dialami Terhadap Emosi Peserta	215
4.3d Kesan Peristiwa Terhadap Tingkah Laku Peserta	216

**Rajah****Muka Surat**

1.1	Kerangka Konseptual Kajian	34
3.1	Carta Alir Reka Bentuk Kajian	73
4.2.1	Rumusan Tema Bagi Tingkah Laku Bermasalah Pelajar	155
4.2.2	Rumusan Faktor Penyebab Tingkah Laku Bermasalah	188
4.4a	Triangulasi Maklumat Kelompok Fokus	220
4.4b	Traigulasi Maklumat Peserta Temu Bual Individu	220

**SENARAI SINGKATAN**

<b>Singkatan</b>	<b>Makna</b>
3M	= Menulis, Membaca & Mengira
EPRD	= <i>Education Plan Research And Development</i>
FGD	= <i>Focus Group Discussion</i>
HEM	= Hal ehwal murid
JAKOA	= Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	= Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
KPM	= Kementerian Pendidikan Malaysia
KWAMP	= Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin
NGO	= <i>Non Government Organization</i>
PAV	= Pendidikan asas vokasional
PIBG	= Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
PIPP	= Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
REBT	= <i>Rational Emotive Behavioral Therapy</i>
SPM	= Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	= <i>Statistical Package For Social Sciences</i>
SSDM	= Sistem Salahlaku Disiplin Murid
UNICEF	= <i>The United Nations Children's Fund</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan tajuk-tajuk penting dalam kajian yang akan dijalankan.

Aspek yang akan disentuh meliputi latar belakang kajian, orang asli, pernyataan masalah, matlamat, objektif, persoalan dan juga kesignifikanan kajian. Dalam bab ini, pengkaji juga akan membicarakan tentang definisi istilah serta limitasi kajian.

Masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar merupakan suatu yang lumrah dalam

dunia pendidikan (Khalim dan Wan Zulkifli, 2009). Walaupun demikian, masalah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS    UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
pengajaran dan pembelajaran berlaku serta memerlukan suasana yang kondusif supaya pelajar dapat memanfaatkan proses tersebut.

Menyedari akan kepentingan sekolah melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, masalah pelajar khususnya berkaitan dengan tingkah laku yang membawa kepada masalah disiplin perlu ditangani. Cotton (2001) menyatakan bahawa masalah disiplin pelajar merupakan isu universal yang dihadapi di semua sekolah di dunia.

## 1.2    Orang Asli

Masyarakat orang asli umumnya tergolong dari masyarakat yang miskin dan jauh ketinggalan berbanding bangsa lain di negara ini. Tidak kiralah dari aspek pembangunan sosial, ekonomi dan juga dari aspek pendidikan.

Masyarakat orang asli menelusuri kehidupan dengan ala kadar sahaja tanpa memikirkan cabaran yang lebih besar menunggu di hadapan untuk anak-anak mereka meneruskan kehidupan. Sehingga kini masyarakat orang asli masih lagi bergelut untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang lebih baik. Pendidikan dilihat menjadi kunci untuk anak-anak orang asli terus mencari kehidupan dengan lebih bermakna. Pendidikan juga dilihat sebagai laluan utama untuk mengekalkan identiti kaum mereka dalam meniti arus pembangunan yang kian pesat, menjamin kelangsungan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS hidup masyarakat orang asli, melahirkan generasi berpengetahuan serta merupakan jalan keluar untuk generasi muda orang asli mencari rezeki (Basir, 2012)

Secara umumnya, orang asli adalah merupakan penghuni awal Semenanjung Tanah Melayu dan kini dikenali sebagai warga pribumi Malaysia. Mereka juga merupakan antara kaum minoriti di Semenanjung Malaysia. ‘Orang Asli’ merupakan istilah dalam bahasa Melayu yang bermaksud ‘Orang Asal’ atau ‘Orang Pertama’ (Sharifah et al., 2011). Menurut Akta Orang Asli 1954, Seksyen 3(1) mentakrifkan orang asli sebagai :

- Mana-mana orang yang bapanya ialah anggota kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup orang asli dan adat dan kepercayaan orang asli, dan termasuk seorang keturunan melalui jurai lelaki orang itu;
- Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa bayi oleh Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli dan ialah anggota suatu masyarakat Orang Asli;
- Anak daripada mana-mana penyatuan antara perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada satu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat dan kepercayaan Orang Asli

(Sumber : Laporan Status Hak Pendidikan Kanak-kanak Orang Asli, 2010)

Pada tahun 2010, JAKOA (Jabatan Kemajuan Orang Asli) telah melaporkan jumlah penduduk orang asli telah meningkat kepada 178,179 orang daripada 141,230

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS pada tahun 2006. Terdapat 18 suku dalam masyarakat orang asli yang dibahagikan kepada Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Tijah Chupil & Jerald James, 2003). Antara negeri-negeri di Semenanjung yang ramai didiami oleh orang asli ialah negeri Pahang diikuti dengan negeri Perak. Kedua-dua buah negeri ini mempunyai 2/3 daripada keseluruhan penduduk orang asli di Semenanjung. Di antara ketiga-tiga kelompok itu, kelompok Negrito merupakan paling kecil bilangannya iaitu 5,009 orang sahaja, diikuti dengan kelompok Melayu-Proto seramai 75,332. Kelompok Senoi merupakan kelompok yang terbesar berjumlah 97,856 orang (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2010). Kelompok Negrito terdiri dari suku kaum Kensiu, Kintak, Jahai, Lanoh, Mendroq dan Batek. Kelompok Senoi pula terdiri dari suku kaum Semai, Temiar, Jah Hut, Che Wong, Mah Meri, Semaq Beri dan Temoq. Manakala kelompok Melayu Proto pula terdiri dari suku kaum Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar.

Dari sudut penempatan dan perkampungan orang asli pula, umumnya perkampungan komuniti Orang Asli berada di tahap yang lebih mundur berbanding dengan kemudahan yang terdapat di perkampungan masyarakat Melayu. Di Semenanjung Malaysia, 36.9 peratus perkampungan Orang Asli terletak di kawasan pedalaman, 62.4 peratus terletak di kawasan pinggir manakala 0.7 peratus terletak di kawasan bandar (Melati, 2009)

Antara sebab mengapa perkampungan Orang Asli masih berada di tahap yang mundur ialah kerana lokasi penempatan mereka terletak jauh di pedalaman dan kampung tersebut pula adalah kecil. Sejumlah 559 buah daripada 852 buah perkampungan tersebut adalah kecil dan mempunyai kepadatan penduduk antara 100

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS hingga 500 orang sahaja. Daripada jumlah perkampungan tersebut, 41.6 peratus masih diklasifikasikan sebagai mundur dan 54.7 peratus perkampungan masih berada di tahap sederhana. Ini menggambarkan bahawa sebahagian besar perkampungan Orang Asli masih memerlukan banyak pembangunan kemudahan infrastruktur untuk membolehkan mereka menikmati keselesaan kehidupan seperti masyarakat lain di negara ini.

Kemiskinan juga masih membentengi kebanyakan masyarakat orang asli hari ini. Walaupun pelbagai usaha dilaksanakan oleh kerajaan sejak 50 tahun lalu, masyarakat orang asli masih lagi jauh ketinggalan berbanding kaum-kaum lain di Malaysia dari segi tahap pencapaian sosioekonomi. Laporan JHEOA 2008 menunjukkan bahawa 17.75 peratus masih berada di tahap miskin dan 32.34 peratus dikategorikan sebagai miskin tegar. Kumpulan miskin adalah kumpulan yang berpendapatan kurang dari RM660.00 sebulan dan miskin tegar pula adalah kumpulan yang berpendapatan kurang dari RM420.00 sebulan.

Terdapat berbagai sebab mengapa tahap kemiskinan masyarakat Orang Asli ini masih tinggi. Antaranya ialah kerana sekitar 35 peratus daripada kampung-kampung di pedalaman masih bergantung hidup sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya kepada ekonomi perburuan, pemungutan hasil hutan, pertanian pindah dan menangkap ikan

Masalah ekonomi orang asli juga berpunca dari dua arus ekonomi yang tidak selari atau berbeza sama sekali. Pada dasarnya, sumber ekonomi orang asli adalah berbentuk tradisi sedangkan dari pergantungan hidup mereka terpaksa melibatkan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
transaksi dengan ekonomi moden yang menggunakan wang (Johari dan Nazri, 2009).

Perubahan daripada sistem ekonomi tradisi ini kepada ekonomi moden belum begitu diterima. Perubahan sistem ini juga lambat difahami sehingga mudah menjadi mangsa eksploitasi pihak luar. Usaha membangunkan ekonomi masyarakat orang asli menjadi semakin sukar disebabkan oleh isu pemilikan tanah dan perlindungan undang-undang yang rapuh. Perasaan rendah diri yang menebal, kurang mementingkan masa, kurang mementingkan pelajaran dan mengutamakan soal kampung halaman daripada bergerak keluar daripada kelompok masyarakat orang Asli pula menjadikan keadaan ini lebih buruk (Akmar Hisham, 1991).

Kadar kemiskinan yang tinggi ini juga turut dikaitkan dengan tahap pendidikan Orang Asli yang masih rendah dan menyukarkan mereka mencari pekerjaan di bandar. Daya saing masyarakat orang asli terlalu rendah untuk bersaing dengan orang lain. Sikap malas dan tidak mengikuti peraturan kerja menyebabkan majikan kurang berminat untuk mengambil mereka bekerja. Kehidupan mereka masih tidak berubah dan berlandaskan kepada prinsip ‘di sini dan sekarang’ lantas mereka hidup dalam keadaan ala kadar (Johari dan Nazri, 2009).

Walaupun dikelilingi dengan kawasan yang membolehkan mereka bercucuk tanam, tradisi orang asli yang membolehkan sesiapa sahaja mengambil hasil tanaman tersebut menyebabkan usaha bercucuk tanam menjadi sia-sia dan memenatkan. Mereka juga amat taat dan patuh kepada Tok Batin dan menerima keputusan Tok Batin tanpa sebarang bantahan. Sistem patuh secara feudal ini turut mempengaruhi keadaan ekonomi masyarakat orang asli. Kebanyakan peraih yang datang terus

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
berurusan dengan Tok Batin dan masyarakat orang asli ini menerima sahaja upah yang  
diberi tanpa banyak soal.

Kesukaran ekonomi oleh keluarga juga turut memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak, tingkah laku ibubapa, hubungan sesama sendiri dengan anak-anak serta gaya keibubapaan. Hal ini diakui oleh Blake (1989) yang mengatakan bahawa saiz keluarga yang besar menyebabkan sumber kewangan terpaksa dibahagikan ke bahagian yang lebih kecil yang menyebangkan status kehidupan keluarga yang sangat susah. Dalam konteks di Malaysia, semakin rendah tahap hidup, semakin ramai pula anak-anak. Anak-anak yang lahir dari keluarga ini bukan sahaja gagal di sekolah atau tidak bersekolah langsung, malah ramai yang dikategorikan sebagai kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran (Johari dan Nazri, 2009).

Seperti masyarakat lain di negara ini juga, masyarakat orang asli juga tidak terlepas daripada kancan gejala sosial seperti penagihan najis dadah dan seks bebas dan ini dilaporkan banyak dikesan di kawasan pinggiran dan pekan (Melati, 2009). Dalam keghairahan kita untuk mengubah gaya hidup dan sosio ekonomi masyarakat orang Asli, kejutan budaya mula menghambat golongan ini dan mengakibatkan gejala sosial baru lebih mudah menular disebabkan tiada ketahanan diri serta pendidikan agama yang kukuh (Akmar Hisham, 1991). Antara ancaman sosial ialah meminum minuman keras, penagihan dadah, pelacuran, budaya lepak dan vandalisme mula berjangkit ke atas masyarakat orang asli.

Tabiat pengambilan minuman keras dalam kalangan masyarakat orang asli

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
juga semakin berleluasa. Johari dan Nazri (2006) mengatakan bahawa masalah

ketagihan alkohol merupakan masalah serius dalam kalangan orang asli pada masa kini. Masalah pengambilan minuman keras sukar dibanteras kerana arak dikatakan sebahagian daripada adat istiadat orang asli dan telah sebatи dalam kehidupan masyarakat itu (Melati, 2009). Amalan berkahwin terlalu awal dalam kalangan masyarakat orang asli turut mengganggu pencapaian pelajaran anak-anak orang asli ini. Ini akan menyebabkan wujudnya ibubapa yang mempunyai anak tetapi tidak mempunyai sebarang kemahiran bagi meneruskan kehidupan yang sempurna. Kehidupan hidup berkeluarga masyarakat ini adalah terlalu ringkas (Johari dan Nazri, 2006).

Mohamad Johdi et al. (2009) turut mengaitkan kurang kemahiran dalam ilmu keibubapaan dalam masyarakat orang asli adalah disebabkan amalan tradisi berkahwin awal. Kurangnya kemahiran dalam ilmu keibubapaan dalam masyarakat orang asli dikenal pasti sebagai faktor yang boleh membantutkan perkembangan minda anak-anak. Sedangkan ilmu keibubapaan adalah sangat penting untuk membantu perkembangan pendidikan anak-anak (Mohamad Johdi et al., 2009).

Pendidikan dilihat sebagai satu-satunya cara untuk memperbaiki taraf kehidupan masyarakat orang asli dan jurang pendidikan antara masyarakat orang asli dan kelompok majoriti dilihat menjadi penghalang terhadap usaha ini (Tijah & Jones, 2003). Usaha untuk mengurangkan jurang pendidikan dan menyediakan jaringan integrasi sosial didapati tidak begitu berjaya disebabkan oleh usaha dan pendekatan yang tidak sensitif terhadap keperluan pelajar (Sharifah et al., 2011). Pendidikan orang asli juga sering dipandang sepi dan kurang diberi liputan kerana majoriti masyarakat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS menganggap kaum minoriti terdiri dari kira-kira 180,000 (bancian 2010) itu tidak mahukan pembangunan (Basir, 2012)

Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha demi memastikan anak-anak orang asli ini tidak tercicir dari arus pendidikan perdana. Usaha ini juga turut disokong oleh badan-badan NGO, serta kajian yang dijalankan oleh ahli-ahli akademik. Menyedari keperluan untuk memajukan masyarakat orang asli ini, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melancarkan Transformasi Pendidikan Orang Asli untuk melonjakkan kecemerlangan Orang Asli. Terdapat tujuh alternatif yang telah digariskan dalam pelan ini iaitu pemantapan tadbir urus sekolah-sekolah mempunyai murid orang asli bermula di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian. Alternatif kedua ialah memasukkan elemen pendidikan asas vokasional (PAV) di peringkat menengah di semua sekolah harian yang menjadi tumpuan orang asli. Ketiga, ialah mengurangkan kadar kecinciran orang asli sebanyak enam peratus setiap tahun bermula dari 2013. Seterusnya, pengambilan pelajar orang asli bagi program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Alternatif yang kelima ialah penambahbaikan kemudahan infrastruktur dan prasarana pendidikan orang asli. Seterusnya memperkasa jalinan kerjasama melalui pewujudan hubungan yang lebih strategik dan alternatif yang terakhir ialah mewujudkan sistem pengesanan prestasi sekolah dan murid orang asli (Sinar Harian, 21 Jun 2012).

Selari dengan itu, semua pihak yang terlibat secara terus dengan pelajar orang asli amat diperlukan dalam memastikan pelan transformasi ini mencapai objektif yang diharapkan. Tidak dapat dinafikan, guru kaunseling dilihat memainkan peranan yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
 penting dalam usaha ini. Penempatan guru kaunseling di sekolah-sekolah bermula selepas surat pekeliling Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu KP8548/1 (25) telah diedarkan ke sekolah-sekolah dan surat ini memaklumkan kepada pengetua-pengetua bahawa setiap sekolah diperuntukkan dua orang guru yang dilatih khas dalam bidang kaunseling (Zuraimey, Mohd. Najib dan Mohd. Shariff, 2008). Sejak itu, guru kaunseling dilihat memainkan peranan penting khususnya dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar.

Menyedari akan kepentingan peranan guru kaunseling kepada pembangunan sahsiah murid, Kementerian Pelajaran Malaysia mempertimbangkan untuk mengurangkan nisbah guru kaunseling sepenuh masa kepada seorang guru bagi 300 orang pelajar berbanding seorang guru bagi 300 hingga 850 orang pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah. Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Puad Zarkashi berkata tugas guru kaunseling cukup mencabar kerana ia meliputi pembangunan dan pengembangan sahsiah diri pelajar, peningkatan disiplin, pendidikan dan kerjaya serta kesejahteraan mental pelajar (Sinar Harian, 27 Mac 2012). Data guru kaunseling di seluruh negara sehingga 30 Januari 2012 adalah seramai 9,713 orang di mana 4,033 orang ditempatkan di sekolah rendah manakala 5,680 orang guru kaunseling ditempatkan di sekolah menengah. Dengan menyaksikan pertambahan jumlah pelajar orang asli saban tahun turut menuntut penglibatan dan peranan yang lebih dari guru kaunseling yang berkhidmat secara langsung dengan kelompok pelajar ini. Sejajar dengan pelan transformasi pendidikan orang asli yang telah dilancarkan, tanggungjawab dan komitmen dari guru kaunseling yang bertugas secara langsung dengan pelajar orang asli adalah sangat besar ke arah memastikan pelan ini berjaya mencapai objektif yang diharapkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      Apabila melihat perkembangan yang berlaku dalam kalangan orang asli terutamanya yang melibatkan isu-isu dalam pendidikan, persoalan yang timbul ialah sejauhmanakah guru kaunseling terutamanya guru-guru kaunseling yang terlibat secara langsung dengan pelajar-pelajar orang asli ini berperanan dalam membantu memperkembangkan potensi yang ada pada mereka. Kefahaman kaunselor dalam memahami budaya sesebuah kelompok memberi kesan kepada keberkesanan perkhidmatan bimbingan kaunseling yang diberikan kerana latar belakang budaya mempengaruhi dalam perhubungan kaunseling (Pederson dalam Baruth dan Manning, 2000).

### 1.3 Latar Belakang Kajian

Dalam mengharungi cabaran abad ke-21 serta wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, masyarakat orang asli tidak harus dipinggirkan. Semua pihak perlu memainkan peranan yang penting dalam memberikan sumbangan tidak kira dalam apa juga bentuk dan usaha.

Perkara pokok dalam membantu masyarakat orang asli ini dalam berjuang untuk meniti arus kepesatan ialah bagaimana seharusnya masyarakat hari ini mengetahui dan memahami kehidupan serta budaya masyarakat orang asli ini. Tijah dan Jones (2003) menyatakan bahawa jumlah orang asli yang sedikit menjadi antara faktor masyarakat kurang memahami budaya dan cara hidup mereka. Kebanyakan

masyarakat hari ini merujuk orang asli sebagai biadap dan komuniti yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS mundur. Terdapat juga pandangan masyarakat yang mengaitkan orang asli sebagai komuniti yang malas untuk bekerja keras untuk membangunkan diri dan masyarakat mereka. Persepsi negatif ini timbul disebabkan kurangnya kefahaman masyarakat hari ini terhadap orang asli dan perkara inilah yang membawa kesan kepada pendidikan anak-anak orang asli.

Pendidikan orang asli juga bukan lagi merupakan isu baru bagi KPM dan JAKOA. Kedua-dua buah organisasi ini telah mengambil langkah yang dirancang rapi beserta dengan peruntukan yang besar bagi membolehkan golongan ini menerima pendidikan dan berjaya. Begitu juga dalam usaha untuk membangunkan masyarakat orang asli, semua pihak perlu mempunyai kesedaran serta memahami keperluan, kesesuaian, budaya dan isu utama dalam komuniti tersebut sebelum benar-benar boleh terlibat dengan mereka. Kefahaman dan kesedaran boleh membantu komuniti ini dalam mendapatkan kehidupan yang lebih berkualiti.

Dalam pendidikan anak-anak orang asli, antara pihak yang memainkan peranan penting ialah guru kaunseling di sekolah. Guru kaunseling dilihat amat perlu untuk memahami dan mengetahui latar belakang budaya masyarakat orang asli ini dalam memberikan perkhidmatan kaunseling yang berkesan. Sue et al. dalam Merchant dan Dupuy (1996) menyatakan bahawa kaunselor yang mahir dari segi budaya ialah kaunselor yang sedar terhadap andaian, nilai dan bias, memahami *worldview* klien yang berbeza budaya dan kaunselor yang membangunkan intervensi dan strategi yang sesuai serta ciri-ciri kaunselor yang mahir dari aspek multibudaya ini dibahagikan dibawah tiga dimensi iaitu kepercayaan dan sikap (kesedaran), pengetahuan dan kemahiran.

Ini termasuklah dengan memahami dan mengetahui tingkah laku yang merupakan salah satu elemen budaya dalam sesebuah kelompok pelajar. Dengan pengetahuan dan kefahaman guru kaunseling terhadap tingkah laku dalam sesebuah kelompok pelajar, guru kaunseling mampu untuk menjalankan intervensi yang sesuai dengan kelompok pelajar yang mempunyai budaya yang tersendiri.

### **1.3.1 Pendidikan Anak-anak Orang Asli**

Pendidikan adalah mustahak dalam membentuk generasi muda yang dapat memainkan peranan penting dalam perkembangan sesebuah masyarakat mengikut keadaan dunia semasa. Isu pendidikan yang berlaku dalam kalangan masyarakat orang asli dilihat menjadi satu penghalang kepada kemajuan masyarakat itu di negara kita. Pendidikan juga amat diperlukan demi menjamin kelangsungan masyarakat orang asli dan melahirkan generasi berpengetahuan.

Masalah pencapaian akademik serta masalah kegagalan murid-murid orang asli juga sering dikaitkan dengan masyarakat orang asli. Isu pencapaian akademik telah menyebabkan ramai pihak berhempas pulas bagi menentukan bahawa pencapaian akademik kanak-kanak orang asli berada dalam keadaan yang boleh menjamin mereka. Sungguhpun begitu, tekanan bagi memastikan kanak-kanak cemerlang dalam akademik kurang dirasai oleh kanak-kanak yang berketurunan orang asli.